

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2015/2016**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN KESELAMATAN  
BENGKEL  
KOD KURSUS : BBR 31102  
KOD PROGRAM : BBR  
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN / JULAI 2016  
JANGKA MASA : 2 JAM  
ARAHAN : JAWAB **TIGA** SOALAN SAHAJA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TIGA (3)** MUKA SURAT

**SULIT**

**S1** Pengurusan keselamatan bengkel sangat dititikberatkan dalam sesebuah bengkel kerja amali di sekolah.

(a) Berikan definisi kemalangan dan keselamatan dalam bengkel.

(4 markah)

(b) Nyatakan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk menangani kemalangan yang disebabkan oleh manusia.

(6 markah)

(c) Murid-murid sering terdedah kepada bahaya ketika menjalankan kerja-kerja di bengkel. Sebagai seorang guru Kemahiran Hidup, apakah yang perlu dilakukan untuk mengelakkan sebarang kemalangan terjadi kepada murid. Bincangkan.

(10 markah)

**S2** Pengurusan kewangan dan pengendalian bahan merupakan salah satu aspek penting dalam sesebuah pengurusan bengkel di sekolah. Sumber-sumber kewangan perlu dicatat dan setiap perolehan atau belian juga perlu dikemaskini bagi memastikan aliran keluar masuk kewangan tidak mengalami sebarang keraguan.

(a) Nyatakan aspek yang perlu dipertimbangkan dalam pengurusan kewangan.

(4 markah)

(b) Terangkan tiga (3) sumber kewangan yang boleh diperolehi oleh pihak pengurusan sekolah.

(6 markah)

(c) Sekolah anda memerlukan dana untuk membaikpulih surau sekolah anda. Sebagai guru yang mempunyai rasa bertanggungjawab, anda terpenggil untuk membantu menjana pendapatan sekolah. Huraikan strategi yang boleh dilakukan untuk menyelesaikan masalah ini.

(10 markah)

- S3** Pelupusan ialah satu proses untuk mengeluarkan aset dari milikan, kawalan, simpanan dan rekod mengikut kaedah yang telah ditetapkan.
- (a) Berikan tujuan pelupusan bahan milik kerajaan. (4 markah)
- (b) Berikan justifikasi pelupusan bahan milik kerajaan. (6 markah)
- (c) Di sekolah anda terdapat beberapa aset yang telah ditetapkan di bawah Bahagian XIV Panduan Perbendaharaan. Aset tersebut perlu dilupuskan mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Bincangkan kaedah yang boleh anda gunakan untuk melupuskan aset ini. (10 markah)
- S4** Setiap sekolah mempunyai rekabentuk bengkel yang berbeza mengikut kreativiti Guru Panitia Kemahiran Hidup di sekolah masing-masing. Sebagai guru yang baru dilantik, anda dikehendaki membuat lakaran bengkel yang merangkumi susunan meja kerja, susun atur mesin, peralatan bengkel dan sudut pencegah kebakaran. (25 markah)
- S5** Seorang pelajar telah terjatuh kerana tersepak bongkah kayu kecil yang ada di lantai bengkel ketika bergurau dengan rakannya. Sebagai seorang guru yang bertanggungjawab, apakah tindakan yang perlu dilakukan untuk mengelakkan kejadian seperti ini berulang. Bincangkan. (25 markah)

**-SOALAN TAMAT-**